

# UMS Mendapat Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008

Oleh Molly Donna Hj Awang Sham



Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berjaya mendapat pensijilan semula MS ISO 9001:2008. Penganugerahan Sijil itu diberikan atas kejayaan UMS mengekalkan Pengiktirafan pada Sistem Pengurusan Kualiti bagi skop Pelaksanaan Program Pengajian Prasiswazah Sepenuh Masa yang telah berubah daripada versi ISO 9001:2000 kepada versi baru ISO 9001:2008. Penyampaian Sijil ISO telah diadakan pada 09 Ogos 2010 dan disempurnakan oleh Pengurus Besar SIRIM cawangan Sabah Tuan Hj Khairan Untoh kepada Naib Canselor UMS Brig. Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj Ampon.



Dalam ucapannya, Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman berkata, kejayaan memperoleh Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 menunjukkan warga kampus mengambil berat kepada elemen kualiti dan menjadikannya satu budaya dan amalan di UMS. Menurut beliau, Pelaksanaan ISO UMS berkait rapat dengan pendekatan yang diambil iaitu sentiasa mengutamakan pelanggan dalam semua lapisan pengurusan universiti disamping memastikan setiap perkhidmatan memenuhi kehendak pelanggan dan peraturan yang ada. Katanya, persaingan yang sihat dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan swasta akan memastikan UMS tidak ketinggalan untuk mendapat pengiktirafan diperingkat nasional dan antarabangsa agar sentiasa relevan dan terus berdaya saing.

"Sistem Pengurusan Kualiti UMS yang telah berjaya mematuhi standard MS ISO sejak tahun 2002 turut telah menyumbang kepada pencapaian UMS dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi SETARA. UMS telah berjaya memperbaiki kedudukan daripada baik (tiga bintang) pada tahun 2007 kepada sangat baik (empat bintang) pada tahun 2009,"katanya.

Tambah beliau, UMS juga amat bergantung pada sumber-sumber khusus seperti sumber manusia, infrastruktur dan kemudahan serta sumber kewangan.

"Ketiga-tiga sumber ini saling memerlukan dan perlu diberi keutamaan bagi memastikan memastikan perkhidmatan yang berkualiti bagi membentuk imej cemerlang universiti. Saya berharap melalui ISO, penambahbaikan berterusan dalam Sistem Pengurusan Kualiti universiti akan terus dapat dikembangkan," ujarinya lagi.

Beliau menambah, semua Jabatan perlu sentiasa peka terhadap ketidakpatuhan dan teguran-teguran audit seterusnya mengenalpasti punca ketidakpatuhan dan memastikan langkah-langkah penambahbaikan dibuat ke atas punca tersebut.

Majlis yang penuh bermakna itu telah dianjurkan oleh Unit ISO Pusat Perkembangan Akademik UMS yang diterajui oleh Timbalan Pendaftar, Cik Norti Hj Sirin.

